

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pecahan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif bagi keseluruhan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia serta apakah peranan Kerajaan dalam memastikan penglibatan 30 peratus ahli lembaga pengarah adalah Bumiputera tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bursa Malaysia tidak mempunyai data untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif bagi syarikat tersenarai mengikut pecahan kaum iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan penglibatan 30 peratus Ahli Lembaga Pengarah adalah Bumiputera tercapai, Kerajaan telah memperkenalkan dasar kepelbagaian yang menetapkan syarat supaya syarikat senaraian awam melaporkan tentang gender, etnik dan umur di peringkat lembaga pengarah melalui laporan tahunan mulai tahun 2015. Oleh itu, amalan baik serta garis panduan yang sedia ada seperti Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia yang lebih tertumpu kepada kepelbagaian jantina di peringkat lembaga pengarah adalah dicadangkan untuk dipinda. Ini adalah supaya kepelbagaian dalam tenaga kerja di kalangan syarikat korporat di Malaysia adalah menggalakkan dan semakin baik terutamanya di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan.